

**FAKTOR PENDORONG EKSPATRIASI
AKADEMIK EKSPATRIAT BERDIKARI:
KAJIAN KES UNIVERSITI AWAM TERPILIH
DI MALAYSIA**




MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA
LABUAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**FAKTOR PENDORONG EKSPATRIASI
AKADEMIK EKSPATRIAT BERDIKARI:
KAJIAN KES UNIVERSITI AWAM
TERPILIH DI MALAYSIA**

MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**


**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA
LABUAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

PENAKUAN

Karya yang dihasilkan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Oktober 2017

Muhammad Safuan Yusoff
DG1421002T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF**

NO. MATRIK : **DG1421002T**

TAJUK : **FAKTOR PENDORONG EKSPATRIASI AKADEMIK
EKSPATRIAT BERDIKARI: KAJIAN KES
UNIVERSITI AWAM TERPILIH DI MALAYSIA**

IJAZAH : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PERNIAGAAN ANTARABANGSA)**

TARIKH VIVA : **26 OKTOBER 2017**

 **DISAHKAN OLEH;**

1. PENYELIA UTAMA
Lt. Kolonel (PA) Prof. Madya. Dr. Norazah Mohd Suki Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA
Dr. Irma Wani Datuk Seri Panglima Othman _____

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Sujud syukur Alhamdulillah dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T melalui limpah dan kurniaNya dianugerahkan kekuatan, semangat, pertolongan dan keyakinan dalam diri ini dapatlah saya merealisasikan impian untuk menghasilkan sebuah wacana ilmu yang amat bermakna kepada diri ini. Tanpa semangat, keyakinan, kesabaran, kesungguhan dan iltizam yang tinggi adalah mustahil untuk merialisasikan impian ini.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di tujukan khas kepada penyelia-penyelia saya Lt. Kolonel (PA) Prof. Madya Dr. Norazah Mohd Suki dan Dr. Irma Wani Datuk Seri Panglima Othman di atas segala bimbingan, teguran, nasihat dan bantuan yang dihulurkan sepanjang tempoh masa tiga tahun yang saya lalui untuk menyempurnakan tesis Ijazah Doktor Falsafah ini, hanya Allah S.W.T yang mampu membalas budi dan jasa kalian berdua. Tidak dilupakan penghargaan kepada Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah dan Prof. Madya Dr. Hanudin Amin, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, di atas peluang yang diberikan.

Insan-insan yang amat bernilai buat diri ini, tanpa mereka hilanglah semangat, pudarlah sinar kebahagiaan yang ditujukan khas buat keluarga yang sangat disayangi, ayahanda Yusoff Jantan dan bonda Samiah Keling mereka adalah syurga buatku yang merestui tanpa jemu mendoakan kejayaan anakanda. Kepada Insan teristimewa yang menjadi tulang belakang tanpa jemu memberi semangat dan keyakinan kepadaku terima kasih saya ucapkan sebuah budi yang tidak akan mampu terbalas, setiap Duka, Tangis, Canda, Ketawa yang kita lalui selama ini adalah sebuah memori abadi yang tidak pernah akan hilang dalam sejarah hidup kita bersama. Serta kepada kekanda Norashikin Yusoff, Azrul Nizam, Mohd Rizuan Yusoff, Maisarah Suraya Fatin, adinda Nornabilah Yusoff dan penyeri keluarga kami anak buah paklang Qaira, Imran, Rania, Medina dan Rizki kalian semua adalah pelengkap dalam hidup ini, terima kasih di atas dorongan, sokongan, pengorbanan dan doa yang tidak pernah putus sampai ke hari ini.

Ikhlas dari Hati, Ikhlas dari Sanubari.

Muhammad Safuan Yusoff
Oktober 2017

ABSTRAK

Penyelidikan dilaksanakan bermatlamat untuk mengetahui paradigma pendorong ekspatriasi akademik ekspatriat berdikari dalam memandu hala tuju kerjaya mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Objektif penyelidikan ini terdiri daripada (i) mengenalpasti pendorong ekspatriasi golongan akademik ekspatriat berdikari ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia, (ii) menjustifikasikan pengaruh yang membawa kepada keputusan berekspatriasi golongan akademik ekspatriat berdikari dan (iii) melakukan penilaian secara retrospektif terhadap pendorong berekspatriasi individu dalam kalangan akademik ekspatriat berdikari. Pendekatan kaedah kualitatif dipilih dengan mengaplikasikan reka bentuk kajian kes ke atas tiga puluh orang akademik ekspatriat berdikari secara persampelan bertujuan yang terlibat secara sukarela melalui teknik temu bual mendalam di empat (4) buah IPTA Malaysia. Manakala statistik deskriptif berkaitan demografi responden dianalisis menggunakan perisian computer *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 22.0. Mengaplikasikan kerangka konseptual Thorn (2009) sebagai acuan menganalisis keputusan ekspatriasi ekspatriat berdikari, maka hasil dapatan penyelidikan ini mengemukakan lapan (8) pendorong utama iaitu (i) Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan, (ii) Potensi Kejayaan Kerjaya, (iii) Kestabilan Ekonomi, (iv) Elemen Institusi Kekeluargaan, (v) Senario Politik Negara, (vi) Ekosistem Kualiti Kehidupan, (vii) Falsafah dan Pegangan Hidup serta (viii) Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah. Manakala dua (2) penemuan baru berjaya ditemui hasil dari penerokaan penyelidikan ini iaitu (vii) Falsafah dan Pegangan Hidup iaitu merujuk kepada falsafah, visi dan misi universiti sebagai tempat membina kerjaya, status Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan kemudahan komuniti akademik ekspatriat Muslim untuk mendapatkan makanan halal di negara ini serta (viii) Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah pula dikaitkan dengan dimensi estetik budaya dan pesona diversiti yang terdapat di Malaysia. Fokal perbincangan lapan (8) pendorong ekspatriasi tersebut merupakan teras kelangsungan kerjaya ekspatriat berdikari di IPTA serta diklasifikasikan sebagai daya tarikan ke atas keputusan golongan tersebut dalam pemilihan Malaysia sebagai negara serta usaha membangunkan potensi kejayaan kerjaya akademik mereka. Penelitian penyelidikan ini menjana kefahaman refleksi diri berhubung sifat semula jadi akademik ekspatriat berdikari melalui curahan perasaan dalam menggambarkan keterujaan, keinginan, ketidakpuasan, kekecewaan dan keterpaksaan diluahkan melalui situasi yang dialami oleh responden kajian ketika menzahirkan pendorong sebenar ekspatriasi individu. Hasil dapatan tersebut merupakan nilai berharga dan hala tuju berguna dalam memperlihatkan korelevanan signifikan kepada pihak pengurusan sumber manusia antarabangsa IPTA yang mempunyai kebergantungan perkhidmatan kakitangan antarabangsa pada perkadaran tinggi dalam merangka pelbagai dasar pendidikan tinggi negara.

ABSTRACT

FACTORS OF EXPATRIATION BY SELF-INITIATED ACADEMIC EXPATRIATE: A CASE STUDY ON SELECTED PUBLIC UNIVERSITIES IN MALAYSIA

The research aimed to investigate the paradigm of motivation which drives the career among academic expatriates in local tertiary level institutions in Malaysia. The objectives of this research consist (i) to identify the expatriation stimulants of independent academic expatriates that go to public institutions of higher learning in Malaysia, (ii) to justify the influence that leads to an independent academic expatriate's decision to expatriate and (iii) to perform a retrospective assessment towards the stimulants of individual expatriates. Qualitative research method was applied in the design of this study using purposive sampling, which involved thirty voluntary respondents from four (4) local tertiary level institutions who were interviewed. Statistical description related to the respondents demography was analysed using the computer software Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22. Based on the conceptual framework by Thorn (2009), this study proposed 8 major motivations which are (i) Cross Cultural Exploration and Travel Experience, (ii) Career Opportunities, (iii) Economy Stability, (iv) Element of Family Institution, (v) Scenario of National Politics, (vi) Ecosystem Quality of Live, (vii) Philosophy and Life Principle as well as (viii) Attraction and Uniqueness of Host Country. Two new discoveries were made as a result of this study namely Philosophy and Life Principle which refers to the philosophy, vision and mission of the university as a place to build one's career, Malaysia's status as an Islamic nation and community facilities for the Muslim academic expatriates such as the availability of halal food. Attraction and Uniqueness of Host Country which refers to the aesthetic elements of culture and diversity in Malaysia. The eight (8) focal points of motivation among the academic expatriates were the core factors for their career placement in local tertiary level institutions and were also classified as the main factors for their decision to select Malaysia for the purpose of enhancing their career opportunities. This research looked into the reflections of the respondents through their expression of excitement, desire, dissatisfaction, disappointment and hopelessness throughout the various situations they faced. The findings of this study are valuable and useful for presenting significant relevance to the international human resource management of local higher level institutions as they have a high dependency on international staff for designing tertiary level education policies.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Orientasi Teoretikal	5
1.3 Sejarah Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia	7
1.4 Pernyataan Masalah	16
1.5 Persoalan Kajian	25
1.6 Objektif Kajian	25
1.7 Kepentingan Kajian	26
1.7.1 Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	26
1.7.2 Akademik Ekspatriat Berdikari	28
1.7.3 Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa dan Pengurusan Perniagaan Antarabangsa	29
1.7.4 Memperluas Pangkalan Data Direktori Kepakaran Institusi Pengajian Tinggi	30
1.8 Skop Kajian	30
1.9 Definisi Konsep	32
1.10 Pengorganisasian Tesis	33

1.11	Ringkasan Bab	35
BAB 2: SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	37
2.2	Definisi Ekspatriat	37
2.3	Kerangka Konsep Kajian	41
2.4	Penyelidikan Berhubung Fenomena Ekspatriasi Antarabangsa di Malaysia	47
2.5	Pendorong Ekspatriasi Ekspatriat Berdasarkan Thorn (2009)	52
2.5.1	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Budaya dan Pengembaraan	53
2.5.2	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Kerjaya	60
2.5.3	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Ekonomi	71
2.5.4	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Perhubungan Kekeluargaan	79
2.5.5	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Persekitaran Politik	86
2.5.6	Pendorong Ekspatriasi disebabkan Kualiti Hidup	90
2.6	Ringkasan Bab	93
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	96
3.2	Pilihan Metodologi	97
3.2.1	Kerangka Konseptual	97
	a. Paradigma, Ontologi dan Epistemologi	97
3.2.2	Matlamat Kajian	103
3.2.3	Etika Profesionalisme Penyelidik	106
3.3	Reka Bentuk Kajian	110
3.3.1	Kajian Kes	110
3.3.2	Persampelan Kajian	114
3.3.3	Ciri-ciri Sampel	117
3.3.4	Teknik Pensampelan	118
3.3.5	Saiz Sampel	119
3.4	Demografi Responden	122
3.5	Pengumpulan Data	130

3.5.1	Protokol Temu Bual	131
3.5.2	Temu Bual Mendalam	132
3.6	Kajian Rintis	136
3.7	Analisis Data	138
3.7.1	Transkripsi	140
3.7.2	Pengekodaan	142
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	146
3.8.1	Kesahan	146
3.8.2	Kebolehpercayaan	150
3.9	Ringkasan Bab	154
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	155
4.2	Objektif 1: Pendorong Utama Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia	156
4.2.1	Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	158
4.2.2	Pendorong Potensi Kejayaan	162
4.2.3	Pendorong Kestabilan Ekonomi	164
4.2.4	Pendorong Elemen Institusi Kekeluargaan	167
4.2.5	Pendorong Senario Politik Negara	169
4.2.6	Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	171
4.2.7	Pendorong Falsafah dan Pegangan Hidup	173
4.2.8	Pendorong Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	176
4.3	Objektif 2: Justifikasi Pengaruh Keputusan Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari	178
4.3.1	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	180
4.3.2	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Potensi Kejayaan Kerjaya	186
4.3.3	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Kestabilan Ekonomi	203
4.3.4	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Elemen Institusi	210

	Keluargaan	
4.3.5	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Senario Politik Negara	220
4.3.6	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	226
4.3.7	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Falsafah dan Pegangan Hidup	235
4.3.8	Justifikasi Ekspatriasi di bawah Pendorong Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	241
4.4	Objektif 3: Penilaian Retrospektif terhadap Pendorong Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari	247
4.4.1	Penilaian Terhadap Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	248
4.4.2	Penilaian Terhadap Pendorong Potensi Kejayaan Kerjaya	257
4.4.3	Penilaian Terhadap Pendorong Kestabilan Ekonomi	264
4.4.4	Penilaian Terhadap Pendorong Elemen Institusi Keluargaan	269
4.4.5	Penilaian Terhadap Pendorong Senario Politik Negara	274
4.4.6	Penilaian Terhadap Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	279
4.4.7	Penilaian Terhadap Pendorong Falsafah dan Pegangan Hidup	283
4.4.8	Penilaian Terhadap Pendorong Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	286
4.5	Ringkasan Bab	289

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	292
5.2	Rumusan dan Sumbangan Data Empirikal	293
5.2.1	Pendorong Ekspatriasi Golongan Akademik Ekspatriat Berdikari Ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia	294
5.3	Sumbangan Terhadap Teoretikal	303
5.4	Rumusan dan Sumbangan Literatur Pengurusan Ekspatriat	306
5.4.1	Pendorong yang melibatkan Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	307

5.4.2	Pendorong yang melibatkan Potensi Kejayaan Kerjaya	309
5.4.3	Pendorong yang melibatkan Kestabilan Ekonomi	311
5.4.4	Pendorong yang melibatkan Elemen Institusi Kekeluargaan	313
5.4.5	Pendorong yang melibatkan Senario Politik Negara	314
5.4.6	Pendorong yang melibatkan Ekosistem Kualiti Kehidupan	316
5.4.7	Pendorong yang melibatkan Falsafah dan Pegangan Hidup	317
5.4.8	Pendorong yang melibatkan Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	320
5.5	Limitasi Kajian	323
5.5.1	Pendorong Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari	324
5.5.2	Empat buah Institusi Sebagai Lokasi Kajian Kes Terpilih	325
5.5.3	Persampelan	327
5.5.4	Ketulusan Informasi Responden Kajian	329
5.5.5	Kewajaran Penglibatan Responden Secara Sukarela	330
5.5.6	Elemen Berat Sebelah Penyelidik Tunggal	330
5.6	Hala Tuju Penyelidikan Masa Hadapan	333
5.7	Ringkasan Bab	336
	RUJUKAN	339
	SENARAI PENERBITAN	367
	SENARAI LAMPIRAN	372

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1:	Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dari Tahun 2002 Sehingga 2015 13
Jadual 1.2:	Kedudukan 20 Buah Universiti Awam yang Mempunyai Bilangan Ekspatriat Akademik Tertinggi dari Tahun 2007-2013 21
Jadual 1.3:	Jumlah Kakitangan Akademik Ekspatriat di 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia Mengikut Jantina dari Tahun 2007 sehingga 2013 23
Jadual 2.1:	Ringkasan Penyelidikan Berhubung Fenomena Ekspatriasi Antarabangsa di Malaysia 51
Jadual 3.1:	Institusi Kajian Kes 116
Jadual 3.2:	Profil Demografi Responden 123
Jadual 4.1:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan 160
Jadual 4.2:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Potensi Kejayaan Kerjaya 162
Jadual 4.3:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Kestabilan Ekonomi 165
Jadual 4.4:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Elemen Institusi Kekeluargaan 168
Jadual 4.5:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Senario Politik Negara 170
Jadual 4.6:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Ekosistem Kualiti Kehidupan 172
Jadual 4.7:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Falsafah dan Pengangan Hidup 174
Jadual 4.8:	Pendorong Berekspatriasi Berdasarkan Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah 177
Jadual 4.9:	Sub Pendorong Berekspatriasi berdasarkan Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan 181

Jadual 4.10 (a):	Sub Pendorong Bereksatriasi berdasarkan Potensi Kejayaan Kerjaya	189
Jadual 4.10 (b):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Potensi Kejayaan Kerjaya	197
Jadual 4.11:	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Kestabilan Ekonomi	204
Jadual 4.12 (a):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Elemen Institusi Kekeluargaan	212
Jadual 4.12 (b):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Elemen Institusi Kekeluargaan	216
Jadual 4.13:	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Senario Politik Negara	222
Jadual 4.14 (a):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Ekosistem Kualiti Kehidupan	228
Jadual 4.14 (b):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Ekosistem Kualiti Kehidupan	229
Jadual 4.14 (c):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Ekosistem Kualiti Kehidupan	229
Jadual 4.14 (d):	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Ekosistem Kualiti Kehidupan	230
Jadual 4.15:	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Falsafah dan Pegangan Hidup	235
Jadual 4.16:	Sub Pendorong Bereksatriasi Berdasarkan Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	243
Jadual 5.1:	Sumbangan Data Empirikal menerusi Tiga Objektif Penyelidikan	295

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Model Pendorong Pergerakan Merentasi Sempadan Thorn (2009)	44
Rajah 3.1: Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif Penyelidikan Ini	114
Rajah 3.2: Peratusan Jantina Responden	124
Rajah 3.3: Peratusan Umur Responden	125
Rajah 3.4: Peratusan Status Responden	126
Rajah 3.5: Tahap Pendidikan Responden	127
Rajah 3.6: Kewarganegaraan Responden	128
Rajah 3.7: Pengalaman Bekerjaya Sebagai Akademik Ekspatriat Berdikari	129
Rajah 3.8: Perancangan Meneruskan Kerjaya di Malaysia	130
Rajah 4.1: Pendorong Ekspatriasi Golongan Akademik Ekspatriat Berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia	158
Rajah 4.2: Sub Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	181
Rajah 4.3: Sub Pendorong Potensi Kejayaan Kerjaya	187
Rajah 4.4: Sub Pendorong Kestabilan Ekonomi	204
Rajah 4.5: Sub Pendorong Elemen Institusi Kekeluargaan	211
Rajah 4.6: Sub Pendorong Senario Politik Negara	221
Rajah 4.7: Sub Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	227
Rajah 4.8: Sub Pendorong Falsafah dan Pegangan Hidup	235
Rajah 4.9: Sub Pendorong Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	242
Rajah 4.10 (a): Penilaian Positif Bagi Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	249
Rajah 4.10 (b): Penilaian Negatif Bagi Pendorong Penerokaan Silang Budaya dan Pengalaman Pengembaraan	253
Rajah 4.11 (a): Penilaian Positif Bagi Pendorong Potensi Kejayaan Kerjaya	258
Rajah 4.11 (b): Penilaian Negatif Bagi Pendorong Potensi Kejayaan Kerjaya	261


Rajah 4.12(a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Kestabilan Ekonomi	265
Rajah 4.12 (b):	Penilaian Negatif Bagi Pendorong Kestabilan Ekonomi	267
Rajah 4.13 (a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Elemen Institusi Kekeluargaan	270
Rajah 4.13 (b):	Penilaian Negatif Bagi Pendorong Elemen Institusi Kekeluargaan	272
Rajah 4.14 (a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Senario Politik Negara	275
Rajah 4.14 (b):	Penilaian Negatif Bagi Pendorong Senario Politik Negara	278
Rajah 4.15 (a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	280
Rajah 4.15 (b):	Penilaian Negatif Bagi Pendorong Ekosistem Kualiti Kehidupan	282
Rajah 4.16 (a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Falsafah dan Pegangan Hidup	284
Rajah 4.17 (a):	Penilaian Positif Bagi Pendorong Daya Tarikan dan Keunikan Negara Tuan Rumah	287



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Surat Perjanjian Responden	372
Lampiran B: Soalan Temu bual	374
Lampiran C: Borang Demografi Responden	375
Lampiran D: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Lapangan Penyelidikan	376
Lampiran E: Ringkasan Demografi Responden	377



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penerangan dalam Bab 1 penyelidikan ini adalah merangkumi komponen-komponen penting di mana Bahagian 1.1 Pengenalan adalah mukadimah penerangan secara terperinci perbincangan yang berkaitan dengan fokus utama penyelidikan ini. Manakala Bahagian 1.2 Orientasi Teoritikal memfokuskan terhadap penelitian konseptualisasi berhubung dasar orientasi penyelidikan ini bagi merungkai permasalahan kajian yang menekankan fenomena ekspatriasi dalam kalangan akademik ekspatriat berdikari. Seterusnya Bahagian 1.3 Sejarah Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia meniti tiga segmen susur galur sejarah sistem pendidikan Malaysia di mulai dengan (a) Sejarah Sistem Pendidikan Tinggi Negara (b) Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (c) Pengantarabangsaan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Rentetan dari senario sejarah pendidikan negara tersebut telah membawa penelitian dalam Bahagian 1.4 Pernyataan Masalah yang mengungkap isu-isu relevan berkaitan pendorong ekspatriasi ahli akademik ekspatriat berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia di mana fenomena tersebut diterokai secara khusus dalam penyelidikan ini. Lantaran itu, Bahagian 1.5 Persoalan Kajian mengemukakan sejumlah tiga (3) soalan asas yang berupaya dikaitkan dengan objektif kajian di mana sifat semula jadi persoalan kajian merujuk kepada capaian dan andaian terbaik yang disandarkan oleh penyelidik bagi memenuhi objektif kajian yang ditetapkan.

Kesinambungan dari itu, Bahagian 1.6 Objektif Kajian meletakkan tiga (3) objektif khusus penyelidikan ini di samping memperjelaskan secara rasional kerelevanan hala tuju penyelidikan berhubung dengan permasalahan dalam kajian ini dengan meletakkan perkara-perkara yang bakal dipenuhi di akhir penyelidikan ini. Justeru itu Bahagian 1.7 Kepentingan Kajian mempersembahkan maklumat

berhubung dapatan vital dan terkini yang bakal diperoleh daripada penyelidikan yang dilaksanakan ini. Tidak ketinggalan adalah Bahagian 1.8 Skop Kajian di mana bahagian ini memberi gambaran tepat berhubung keterbatasan yang ditempuh oleh penyelidik serta persempadanan penyelidikan ini yang menjana kekangan tertentu. Ia dijelaskan agar berupaya memberi pemahaman kepada pembaca tentang skop sebenar kajian ini. Bahagian 1.9 Pendefinisian Konsep meletakkan lapan (8) konsep utama yang berperanan menyatakan maksud bertepatan dengan terma-terma yang digunakan sepanjang penyelidikan lantas ia berupaya memberi kefahaman kepada pembaca tesis ini. Akhir sekali Bahagian 1.10 Pengorganisasian Tesis melakarkan keseluruhan persembahan penulisan tesis ini yang mengandungi lima (5) bab.

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat bagaimana golongan akademik ekspatriat berdikari mengambil keputusan dalam melakukan ekspatriasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia dengan memfokuskan kepada penyelidikan berhubung faktor pendorong ekspatriasi akademik ekspatriat berdikari di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Ekspatriat didefinisikan sebagai individu yang meneruskan kerjaya di luar negara (Dowling *et al.*, 2008), manakala ekspatriasi pula merujuk kepada fenomena yang merujuk kepada individu ekspatriat yang mengambil keputusan untuk meninggalkan negara asal dan berhijrah ke sesebuah negara lain (Doherty *et al.*, 2013b). Di dalam bidang pengurusan sumber manusia antarabangsa, ekspatriat dapat dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu pertamanya adalah ekspatriat yang dihantar oleh pihak majikan, yang mana kebiasaannya dihantar dengan tujuan untuk mewakili syarikat ke luar negara yang dikenali sebagai eksekutif ekspatriat yang berkhidmat di dalam organisasi besar seperti *Multi Nasional Company* (MNC) (Dowling *et al.*, 2008). Manakala kumpulan kedua adalah ekspatriat berdikari yang merujuk kepada individu yang mengambil keputusan untuk melakukan ekspatriasi ke luar negara tanpa mewakili sebarang organisasi seperti ahli akademik yang berkhidmat di Universiti seluruh dunia (Richardson dan McKenna, 2002a; 2002b; Dowling *et al.*, 2008).

Kepentingan penyelidikan ini dijalankan adalah bertepatan dengan waktu sekarang yang mana pada waktu ini fenomena globalisasi yang berlaku telah memperlihatkan peningkatan mobiliti antarabangsa yang melibatkan fenomena ekspatriasi dalam dunia perniagaan (Forster, 2000a, 2000b). Namun begitu, peningkatan mobiliti antarabangsa yang melibatkan proses ekspatriasi tersebut bukan sahaja bertumpu kepada bidang perniagaan sahaja, akan tetapi ianya turut melibatkan bidang pendidikan yang mana memfokuskan kepada golongan ahli akademik ekspatriat (Kaur *et al.*, 2008; Knight, 2008; Koo, 2008). Bidang pendidikan khususnya sistem pendidikan tinggi turut tidak ketinggalan dalam mempamerkan kecenderungan menuju ke arah pengantarabangsaan ke peringkat global dengan pelbagai agenda kerjasama bersifat strategik antara universiti serta institusi pendidikan tinggi lain di seluruh dunia (Azman dan Abdul Aziz, 2008; Kennedy dan Mohd Zain, 2008; Pang, 2008).

Melalui perspektif ekspatriasi di peringkat global, pemilihan pelajar antarabangsa yang merentasi sempadan saban tahun untuk datang ke Malaysia adalah salah satu dari petanda pengukur yang memperlihatkan peningkatan mobiliti antarabangsa dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia (Bakar, 2008; Azman dan Abdul Aziz, 2008; Kennedy dan Mohd Zain, 2008; Pang, 2008). Peningkatan positif yang ditunjukkan tersebut tidak hanya merujuk kepada kumpulan pelajar sahaja akan tetapi turut merujuk kepada mobiliti antarabangsa yang melibatkan golongan ahli akademik antarabangsa dan ini bukanlah suatu fenomena yang baru (Taylor, 2004; Olson, 2005; Altbach, 2006; Yasin, 2006; Abdul Rahman, 2008). Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Altbach dan Knight, (2006) golongan akademik ekspatriat berdikari telah melakukan ekspatriasi ke serata dunia semenjak dari 2,500 tahun dahulu. Era pembangunan dalam sistem pendidikan selepas Perang Dunia ke-dua telah menyaksikan peningkatan jumlah universiti di seluruh dunia dengan berlakunya pertambahan permintaan golongan ahli akademik di negara-negara sedang membangun (Forster, 2000a; Bartell, 2003; Stier, 2004; Abas, 2008).

Perkara tersebut berlaku adalah disebabkan kekurangan golongan cendekiawan tempatan yang berkhidmat di negara asal dan untuk mengatasi masalah tersebut pengambilan kakitangan antarabangsa telah mula dilaksanakan (Awang dan Mohamed, 2008). Oleh yang demikian, ekspatriasi golongan elit ahli akademik melalui fenomena penghijrahan suatu masa dahulu telah diberi nafas baru yang dikenali sebagai fenomena penghijrahan cendekiawan "*Brain Drain*" yang dikaitkan dengan migrasi secara besar-besaran terutamanya dari negara-negara besar dunia seperti Britain, Kanada, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand (Enders, 2004; Baraldi, 2006; Shuib dan Othman, 2008). Pendidikan tanpa sempadan atau "*Borderless Education*" telah menunjukkan bagaimana persempadanan dunia akademik telah menjadi semakin dekat yang mana telah memudahkan ahli-ahli sarjana akademik melakukan ekspatriasi seiring dengan arus pengantarabangsaan yang berlaku (Albatch, 2006).

Jika dilihat melalui perspektif ekspatriasi yang berlaku di peringkat sistem pendidikan tinggi, hampir kesemua dari universiti di dunia ini telah menjadi sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan antarabangsa disebabkan oleh keupayaan mobiliti para pelajar dan ahli akademik untuk melakukan ekspatriasi ke negara-negara lain (Richardson dan McKenna, 2002b). Sebagai contoh di Malaysia sendiri seperti yang dilaporkan dalam *The Star*, (2013) yang mana telah mencatatkan bahawa seramai 84,887 orang ekspatriat sedang berkhidmat di Malaysia dalam pelbagai sektor pekerjaan, sebahagian dari jumlah tersebut adalah datangnya dari sektor pendidikan iaitu mereka yang dikenali sebagai akademik ekspatriat yang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia. Bagi negara-negara seperti Negara Arab Bersatu, Hong Kong dan Singapura, negara tersebut juga tidak terkecuali dalam menggunakan khidmat golongan ahli akademik ekspatriat dari luar negara bagi tujuan mendapatkan khidmat kepakaran golongan akademik ini untuk pembangunan sistem pendidikan tinggi Negara mereka (Teichler, 2004).

Dalam konteks Malaysia sebagai negara yang membangun, fenomena ekspatriasi dalam kalangan tenaga kerja profesional di sektor pendidikan tinggi negara yang merujuk kepada akademik ekspatriat dari luar negara telah

menunjukkan peningkatan yang ketara dari masa ke semasa (MOHE, 2011). Dari data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia tahun 2007 sehingga tahun 2013, telah memperlihatkan berlaku peningkatan yang ketara ke atas pengambilan kakitangan antarabangsa untuk berkhidmat di 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Berdasarkan jumlah keseluruhan tersebut seramai 1,027 ahli akademik ekspatriat telah berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia pada tahun 2007 dan berlaku peningkatan dari tahun ke tahun sehinggalah pada tahun 2013 telah mencatatkan seramai 2,712 orang ahli akademik ekspatriat telah berkhidmat di Malaysia (MOHE, 2013). Disebabkan perkara tersebut, penyelidikan yang dijalankan ini dilihat amat bertepatan sekali untuk dilaksanakan memandangkan proses menuju ke arah pengantarabangsaan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang pesat berlaku.

1.2 Orientasi Teoretikal

Kebiasaannya di dalam literatur bidang pengurusan ekspatriat, kebanyakan penyelidikan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli sarjana terdahulu lebih mengkhususkan kepada pemilihan topik penyelidikan yang bersandarkan kepada hal-hal berkaitan asimilasi dan penyesuaian silang budaya (Cerimagic, 2011; Froese dan Peltokorpi, 2011; Hemmasi dan Downes, 2014), pemilihan dan pengambilan ekspatriat (Breaugh, 2008; Caligiuri *et al.*, 2009; Ma dan Allen, 2009), latihan dan pembangunan ekspatriat (Baruch, 2006; Al Ariss, 2010; Collings *et al.*, 2011), pengalaman tugas antarabangsa (Richardson dan McKenna, 2002a, 2002b; Chang *et al.*, 2013; Doherty *et al.*, 2013), isu ganjaran dan pampasan (Huang *et al.*, 2005; Armstrong, 2006; Glassock dan Fee, 2015) serta isu-isu kekeluargaan (Andres *et al.*, 2012; Cao *et al.*, 2012; Greenhaus dan Powell, 2012; Qu dan Zhao, 2012). Namun begitu, aspek terpenting yang kurang diberi perhatian secara menyeluruh adalah berkaitan dengan isu fenomena ekspatriasi berhubung pendorong ekspatriasi yang merujuk kepada keputusan untuk melakukan ekspatriasi yang pada asasnya disebabkan oleh kepelbagaian dimensi yang saling berhubung antara satu sama lain. Setiap daripada pendorong tersebut, pastinya bertujuan menyumbang kepada peningkatan motivasi prestasi dan kepuasan kerja sewaktu berada di negara tuan rumah, yang seterusnya dapat mempengaruhi

persepsi individu tersebut terhadap keseluruhan proses ekspatriasi yang ingin dilakukan (Thorn, 2009).

Melihat dari konteks penyelidikan ini yang bersifat kualitatif, tiga (3) elemen penting yang harus diperjelaskan adalah pertamanya falsafah ontologi yang merujuk kepada kepercayaan terhadap sifat semula jadi akademik ekspatriat berdikari iaitu hakikat realiti yang dibangunkan melalui hasil dari interaksi dengan pendorong ekspatriasi individu akademik ekspatriat berdikari itu sendiri. Kedua adalah falsafah epistemologi yang mana memfokuskan kepada kepercayaan terhadap bagaimana realiti fenomena ekspatriasi yang menjadi matlamat utama perbincangan penyelidikan yang ingin dilakukan, yang dikaitkan dengan dua perkara iaitu penyelidik yang sedang melakukan penyelidikan ini dan bagaimana hubungan tersebut dipengaruhi oleh pendorong ekspatriasi yang dibentuk oleh subjek kajian yang terlibat. Seterusnya yang terakhir adalah falsafah metodologi yang merujuk kepada kepercayaan dan prinsip yang dipegang oleh penyelidik iaitu melalui pendekatan yang dipilih oleh penyelidik dalam memperoleh segala informasi penting daripada subjek kajian. Dalam penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidik akan menggunakan kaedah induktif bagi mendapatkan informasi melalui kaedah temu bual mendalam ke atas subjek kajian, pemerhatian serta menganalisis transkrip iaitu hasil dari temu bual yang dijalankan bersama subjek kajian.

Bagi mendapatkan data atau maklum balas daripada responden kajian. Setiap daripada responden yang terlibat akan menerima persoalan kajian yang berbentuk persoalan umum dari penyelidik. Tujuan tersebut adalah bagi memberi ruang dan memudahkan responden kajian untuk memahami secara teliti dalam membina makna terhadap sesuatu insiden berdasarkan pemahaman yang dilalui diri sendiri ataupun melibatkan interaksi dengan orang lain. Selain daripada itu, penggunaan pendekatan konstruktivis sosial yang diaplikasikan oleh penyelidik juga memainkan peranan penting dalam penyelidikan yang dilakukan ini. Ini adalah kerana tujuan pendekatan konstruktivis sosial yang diaplikasikan adalah bagi menyelidik dan mengetahui secara mendalam mengenai latar belakang yang melibatkan dari mana responden berasal untuk tujuan memahami sejarah dan budaya sewaktu mereka berkhidmat di negara asal. Sebagai seorang penyelidik

tunggal dalam penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidik haruslah mengetahui latar belakang responden kajian yang merangkumi pelbagai aspek seperti budaya, pengalaman, sejarah dan situasi yang berlaku di negara asal di mana ianya berupaya melahirkan pandangan yang lebih komprehensif dan memberikan pentafsiran yang berlainan. Perkara tersebut akan memberi sumbangan kepada hasil dapatan penyelidikan dengan meletakkan kepelbagaian dari maklum balas yang diterima.

1.3 Sejarah Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia

a. Sejarah Sistem Pendidikan Tinggi Negara

Proses sejarah pembentukan negara Malaysia sememangnya panjang, rumit dan berliku-liku dalam menuju ke arah mencapai kemerdekaan negara. Jika dibuat perbandingan di antara sistem pendidikan tinggi Malaysia dengan negara lain, negara ini masih terlalu baru dalam memperlihatkan pembangunan dan perkembangan sistem pendidikan tinggi kerana proses tersebut hanya berlaku selepas negara ini mencapai status kemerdekaan (Kaur *et al.*, 2008; Kennedy dan Mohd Zain, 2008; Abdul Manan, 2008a). Semasa era pentadbiran British di Tanah Melayu, pendidikan tinggi hanya terhad di peringkat kolej sahaja, di mana segelintir rakyat berkelayakan mengikuti pengajian pada tahap tertinggi terpaksa melanjutkan pelajaran ke universiti yang terdapat luar negara (Kaur *et al.*, 2008; Kennedy dan Mohd Zain, 2008; Abdul Rahman dan Mahani, 2007). Namun begitu selepas negara mencapai status kemerdekaan pada tanggal 1957, Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah bagi membangunkan sistem pendidikan kebangsaan dengan mendapatkan tenaga kerja berkepakaran, membuka peluang pendidikan kepada semua golongan rakyat dan membangunkan Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara ini (Kaur *et al.*, 2008; Kennedy dan Mohd Zain, 2008; Abdul Rahman dan Mahani, 2007).

Berdasarkan penjelasan Lee (2004), perkembangan sistem pengajian tinggi Malaysia dapat dilihat melalui tiga fasa terpenting iaitu fasa pertama (1) melalui penubuhan universiti yang dilakukan sewaktu era pentadbiran negara Britain. Seterusnya fasa dua (2) adalah ketika zaman tahun 1970-an dan 1980-an, melalui perlaksanaan strategi pendidikan bagi mengecilkan jarak perbezaan monopoli